



KENANGAN... Pelajar Diploma Pembangunan Manusia UPMKB bergambar bersama pada Program Komuniti Ulu Sebauh, di Sekutan, Bintulu baru-baru ini.

Pelajar UPMKB jayakan Program Komuniti Ulu Sebauh

BINTULU: Pelajar Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) menjayakan Program Komuniti Ulu Sebauh bertempat di Rumah Panjang Meikle Ding, Ulu Sebauh, Sekutan baru-baru ini.

Menurut kenyataan daripada UPMKB, peserta adalah pelajar Diploma Pembangunan Manusia Semester 4, Sesi 2022/2023 di bawah bimbingan dua pensyarah, Dr. Abdul Hadi dan Dr. Rohaizahtulamni.

"Program ini telah mendapat sambutan dan memperolehi kejayaan serta

mencipta impak positif dalam komuniti setempat.

"Ia (program) juga adalah sebahagian daripada inisiatif universiti bagi meningkatkan kesedaran dan penglibatan pelajar dalam pembangunan sosial bersama penduduk rumah panjang," katanya.

Tambah kenyataan itu, ia juga dapat mencipta pengalaman kepada para pelajar untuk merasai suasana berada di kawasan rumah panjang yang merupakan simbolik masyarakat Sarawak.

"Satu hal yang menarik perhatian dalam menjadikan program ini berhasil adalah para pelajar telah bersatu tenaga dalam pelbagai projek pembangunan komuniti, dari projek seni lukisan mural hingga program penambahbaikan fasiliti di sekitar kawasan rumah panjang tersebut.

"Keterlibatan aktif penduduk rumah panjang telah memupuk semangat gotong-royong secara tidak langsung memperkuat jalinan sosial dalam kalanjan penduduk rumah panjang bersama pelajar tersebut," ujarnya.